

15 MAY 2003

MAHATHIR: ADA ANGGOTA UMNO GUNA PUTERI UNTUK BERKEMPEN

SEREMBAN, 15 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat anggota parti yang cuba menggunakan Puteri Umno untuk berkempen bagi kepentingan mereka.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Puteri Umno Azalina Othman Said yang meminta segelintir orang lama dalam parti supaya tidak memberikan contoh tidak baik kepada generasi muda khususnya anggota Puteri Umno seperti perbuatan melobi, amalan politik wang dan perebutan kuasa dalam parti.

"Dia (Azalina) tak nak Puteri digunakan untuk kempen," kata Dr Mahathir semasa diminta mengulas kenyataan Azalina itu selepas menghadiri majlis perkahwinan Syazrena Abdul Rafei, 25, anak seorang daripada kakitangan di Jabatan Perdana Menteri Maznah Bahari, dan Lt Kol (B) Abdul Rafei Abdul Khatab di Taman Bukit Chedang, dekat sini hari ini.

Semalam akhbar melaporkan Azalina sebagai berkata bahawa golongan lama dalam Umno yang mengajar anggota Puteri mengenai budaya tidak baik dalam parti seperti melobi dan berebut kuasa.

Ditanya mengenai terdapat kumpulan serpihan dalam Umno yang cuba memecah belahkan parti seperti yang didedahkan Ketua Penerangan Umno Tan Sri Megat Junid Megat Ayob baru-baru ini, Dr Mahathir berkata golongan itu tidak banyak.

Perdana Menteri yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali meluangkan masa kira-kira 40 minit di majlis itu

Syazrena, seorang pegawai di Bank Negara memilih Azli Azmin Abdullah, 26, seorang pegawai di Syarikat Samsung Seremban sebagai pasangannya.

-- BERNAMA

APG RON